



31 Julai 2019
31 July 2019
P.U. (A) 214

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH LEVI PELEPASAN (PENGECUALIAN) 2019

DEPARTURE LEVY (EXEMPTION) ORDER 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEVI PELEPASAN 2019

PERINTAH LEVI PELEPASAN (PENGEQUALIAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31 Akta Levi Pelepasan 2019 [Akta 813], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Levi Pelepasan (Pengecualian) 2019**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2019.

Pengecualian daripada pembayaran levi pelepasan

2. Orang yang dinyatakan dalam ruang 2 Jadual Pertama yang meninggalkan Malaysia dikecualikan daripada pembayaran levi pelepasan.

Pengecualian daripada kehendak untuk mendaftar dan mengenakan levi pelepasan

3. Pengendali yang dinyatakan dalam ruang 2 Jadual Kedua dikecualikan daripada kehendak untuk mendaftar dan mengenakan levi pelepasan.

JADUAL PERTAMA

[Perenggan 2]

(1) No.	(2) ORANG
1.	Bayi dan budak yang berumur di bawah 24 bulan.
2.	Penumpang kapal udara dalam transit yang tiba di mana-mana lapangan terbang antarabangsa di Malaysia dari luar negara dan kemudiannya meninggalkan Malaysia dengan kapal udara yang sama atau berlainan, atau nombor penerbangan yang sama atau berlainan, untuk ke destinasi seterusnya dan tempoh transit tidak melebihi 12 jam.
3.	Pejalan kaki.
4.	Orang yang memandu atau menunggang sendiri apa-apa jenis kenderaan untuk kegunaan persendirian termasuk kapal udara atau vesel dan mana-mana penumpang di dalam atau pembonceng di atas kenderaan itu.
5.	Mana-mana krew yang bertugas di atas apa-apa kenderaan termasuk kapal udara atau vesel.

JADUAL KEDUA

[Perenggan 3]

(1) No.	(2) PENGENDALI
1.	Pengendali apa-apa kenderaan air atau darat.
2.	Pengendali kenderaan komersil yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara secara catar bagi mengangkut pekerja ke pelantar minyak, platform atau yang seumpamanya.
3.	Mana-mana Kerajaan yang mengendalikan apa-apa jenis kenderaan yang membawa penumpang keluar dari Malaysia.

Dibuat 31 Julai 2019
[MOF.TAX(S)700-2/1/5 JLD.2; PN(PU2)754]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

DEPARTURE LEVY ACT 2019

DEPARTURE LEVY (EXEMPTION) ORDER 2019

IN exercise of the powers conferred by section 31 of the Departure Levy Act 2019 [Act 813], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Departure Levy (Exemption) Order 2019**.
- (2) This Order comes into operation on 1 August 2019.

Exemption from the payment of departure levy

2. Persons specified in column 2 of the First Schedule who leaves Malaysia are exempted from the payment of departure levy.

Exemption from the requirement to register and charging the departure levy

3. Operators specified in column 2 of the Second Schedule are exempted from the requirement to register and charging the departure levy.

FIRST SCHEDULE

[Paragraph 2]

(1) No.	(2) PERSON
1.	Infant and toddler of the age below 24 months.
2.	Aircraft passenger in transit arriving at any international airport in Malaysia from abroad and then leaving Malaysia with the same or different aircraft, or the same or different flight number, to the next destination and the transit period is not exceeding 12 hours.
3.	Pedestrian.
4.	Person who is driving or riding by himself any type of vehicle for personal use including aircraft or vessel and any passenger in or pillion rider on such vehicle.
5.	Any crew on duty on board of any vehicle including aircraft or vessel.

SECOND SCHEDULE

[Paragraph 3]

(1) No.	(2) OPERATOR
1.	Operator of any water or land vehicle.
2.	Commercial vehicle operators who provide chartered air transport services for carrying workers to an oil rig, platform or the like.
3.	Any Government operating any type of vehicles carrying out passenger from Malaysia.

Made 31 July 2019

[MOF.TAX(S)700-2/1/5 JLD.2; PN(PU2)754]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance